



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28/3/2012

MUKA 4 • UTUSAN MALAYSIA

Dalam Negeri

Tun Mahathir terima Anugerah Tokoh Pereka Negara

UM - 28/3/2012

SHAH ALAM 27 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad menerima Anugerah Tokoh Pereka Negara bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan beliau membangunkan negara menerusi bidang inovasi dan reka bentuk.

Anugerah tersebut juga bagi menghargai inisiatif bekas Perdana Menteri itu menubuhkan Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) pada 1993 dengan hasrat meningkatkan daya saing produk tempatan menerusi inovasi reka bentuk di pasaran global.

Pembangunan pesat negara termasuk pembinaan jambatan Pulau Pinang, Menara Berkembar Petronas, Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) membuktikan komitmen Dr. Mahathir dalam membina pelbagai mercu tanda sekali gus meletakkan Malaysia seiring dengan negara-negara maju.

Penyampaian anugerah itu disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili dalam satu majlis di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau amat berterima kasih kerana saraannya pada 1969 supaya negara



MAXIMUS Ongkili menyampaikan Anugerah Tokoh Pereka Negara kepada Dr. Mahathir Mohamad sambil disaksikan Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin (kanan) pada Majlis Penyampaian Anugerah Malaysia Good Design Mark 2011 di Shah Alam, malam tadi.

mengutamakan reka bentuk telah disambut baik dan diteruskan sehingga hari ini.

“Masyarakat suka mencipta sesuatu yang berguna tetapi untuk diterima lebih baik kita perlu mem-

buat reka bentuk yang lebih menarik kepada pembeli.

“Saya yakin dengan penumpuan

penting terhadap aspek reka bentuk, produk-produk kita lebih mudah diterima di seluruh dunia,” katanya ketika berucap sejourus menerima anugerah tersebut pada majlis anjuran MRM di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, setakat ini beliau berasa bangga dengan pencapaian pembangunan reka bentuk di negara ini.

Pada masa sama kata beliau, usaha itu perlu diteruskan dengan gigih supaya Malaysia terkenal sebagai negara yang mampu bersaing sama ada dari segi kualiti atau reka bentuk.

“Dengan ini juga Malaysia akan mara setapak lagi ke arah menjadi negara maju,” kata beliau.

Dalam pada itu, pada majlis tersebut, sebanyak 17 syarikat tempatan menerima pengiktirafan Malaysia Good Design Mark 2011 atas kejayaan menghasilkan produk kreatif, inovatif dan mempunyai reka bentuk menarik.

Selain itu, sebanyak 30 daripada 80 produk pelbagai kategori yang diterima untuk penilaian tahun lalu berjaya menepati spesifikasi ditetapkan sekali gus layak menerima pengiktirafan sama.